



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	11/8/2012

500,000 botol air minuman untuk penduduk Gaza

UM-11/08/2012

KUALA LUMPUR 10 Ogos - Yayasan Keamanan Dunia Perdana (PGPF) menunaikan komitmennya membantu masyarakat di Gaza, Palestin dengan menyalurkan sumbangan 500,000 botol 1.5 liter air bersih.

Mendapatkan bekalan air merupakan antara masalah utama yang dihadapi penduduk Gaza ekoran dikeping rejim Zionis dan dilaporkan mereka hanya mendapat bekalan air selama empat hingga enam jam bagi tempoh tiga hari.

Majlis simbolik penyampaian sumbangan tersebut diadakan hari

ini dengan PGPF diwakili Presidenya yang juga bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad manakala Imam Utama Masjid Gaza, Sheikh Omar M.A. Fora didatangkan khas bagi mewakili penduduk Gaza.

Menurut Dr. Mahathir, bekalan 500,000 botol air bersih itu merupakan bantuan fasa pertama dan pihaknya menyasarkan sebanyak 1.5 juta botol air dapat disampaikan kepada penduduk Gaza secara keseluruhannya.

"Bersempena Ramadan yang mana rakyat di Malaysia tidak ambil

kisah dengan rahmat berbuka puasa dengan air sirap, longan dan bermacam lagi jenis air, ingatan dan simpati kita adalah tetap kepada saudara kita di Gaza menerusi bantuan ini," katanya.

Jelas beliau, dana bagi membeli air bersih di Gaza itu adalah hasil kutipari 'Wakaf Air Untuk Gaza' yang dilancarkan PGPF sejak Oktober 2010 dan mendapat sokongan masyarakat umum Malaysia, syarikat-syarikat korporat serta agensi-agensinya kerajaan.

Sementara itu, berhubung masa-

lah penindasan etnik Rohingya Islam di Myanmar, Dr. Mahathir berkata, negara-negara Islam di seluruh dunia perlu bersatu dalam memberi tekanan terhadap negara tersebut.

"Malaysia sahaja tidak mungkin berjaya tetapi kalau datang umat Islam seluruh dunia, saya yakin Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) akan mengambil tindakan menyelamatkan orang Rohingya.

"Sebenarnya etnik Rohingya adalah warga Myanmar, namun masalah timbul kerana kerajaan Myanmar tidak mengiktiraf mereka. Saya

berharap Myanmar yang 'sekarang ini berbangga dengan demokrasinya akan bertimbang rasa terhadap nasib buruk yang menimpa orang Rohingya," ujarnya.

Kata Dr. Mahathir, beliau telah mengutus surat kepada Aung San Suu Kyi lima hari lalu bagi memintakan demokrasi dari Myanmar itu untuk campur tangan menyelamatkan nasib etnik Rohingya.

"Saya fikir dia mempunyai pengaruh, saya berharap dia akan menyatakan sesuatu untuk menyelesaikan masalah ini," katanya.